

SOALAN NO. :24

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU
LANGAT]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

SOALAN: Dr. Che Rosli Bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kawalan Kementerian dalam memastikan hutan simpan tidak diluluskan dengan mudah sebagai tempat kediaman bagi menjaga kelestarian alam sekitar.

51

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sentiasa komited dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan. Di antara inisiatif yang dilaksanakan dalam mengawal penyahutanan (*deforestation*) Hutan Simpanan Kekal adalah seperti berikut:

- (i) Mengekalkan pewartaan kawasan Hutan Simpanan Kekal sedia ada untuk diurus melalui amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan bagi faedah sosial, ekonomi dan alam sekitar untuk kepentingan rakyat dan negara;
- (ii) Mewartakan kawasan Cadangan Hutan Simpanan Kekal (CHSK) yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK);
- (iii) Mewartakan kawasan-kawasan Tanah Kerajaan yang berhutan sebagai Hutan Simpanan Kekal;
- (iv) Menggantikan mana-mana kawasan Hutan Simpanan Kekal yang telah dikeluarkan/dimansuhkan dengan kawasan hutan lain yang lebih kurang sama luasannya; dan
- (v) Memperkemaskan mekanisma penguatkuasaan hutan melalui program *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) seperti 1 Malaysia *Biodiversity Enforcement Operation Network*

(1MBEON) dan *Centralised Enforcement Team* (CET), Op Khazanah, penubuhan Pasukan Elit Penguatkuasaan JPSM (JPSM Elite Team) dan penggunaan teknologi dan peralatan terkini seperti *Forest Monitoring Using Remote Sensing* (FMRS), *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV), *Geographical Information System* (GIS) dan *Global Positioning System* (GPS) semasa menjalankan aktiviti penguatkuasaan hutan dan pemantauan pencerobohan hutan.

Sekian, terima kasih.